

**KONVENSYEN KUMPULAN  
INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
PERINGKAT ZON  
SELATAN 18-20 JUN 2013**



pg 3

**76 CHILDREN OF HAMIDAH  
YAKUP WELFARE COMPLEX  
TREATED TO BREAK OF FAST**



pg 5

**KEMEPN  
'SAYA SAYANG PUSTAKA'  
- PUSTAKA MIRI 2013'**



pg 6

# **Fountain of KNOWLEDGE**

Volume 58



e-Newsletter  
**JULY - SEPTEMBER  
2013**



[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)



pustaka.sarawak



pustakaswk

ISSN No. 1675-1183

# EDITORIAL COMMITTEE

## ADVISOR

Japri Bujang Masli

## EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

## COMMITTEE MEMBERS

Alya Faeeqah Haji Hamali

Sofina Tan Sofian Tan

Laurena Aloh

Edison Ricket

Bronny Lawrence Nawe

Norzihan Abdullah

Mohammad Nizam Abang Takip

This Newsletter is published quarterly by



## Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium  
93050 Kuching, Sarawak  
Malaysia

Tel : 6 082 442000

Fax : 6 082 449944

Contact : [librarian@sarawak.gov.my](mailto:librarian@sarawak.gov.my)



[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



## PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN

ANTARA SEKOLAH – SEKOLAH RENDAH & MENENGAH SEKITAR BANDARAYA KUCHING 2013

oleh Norlailawaty Ismail ([norlaii2@sarawak.gov.my](mailto:norlaii2@sarawak.gov.my))

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Pertandingan Warisan Budaya Tempatan antara Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah sekitar Bandaraya Kuching 2013 pada 4 Februari - 14 Jun 2013. Sesi persembahan bagi Kategori Sekolah Rendah telah diadakan pada 25 Jun 2013. Manakala pada 8-9 Julai ialah untuk Kategori Sekolah Menengah.

Pertandingan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai kaedah penggunaan sumber maklumat bercetak dan bukan bercetak bagi membolehkan para peserta mengetahui dengan lebih lanjut bahan-bahan tempatan, sejarah kaum, tradisi, budaya, sosio ekonomi, norma hidup sesuatu kaum dan sebagainya. Disamping itu ianya meningkatkan semangat kerjasama secara berpasukan dalam menghasilkan kertas kerja yang berkualiti sebagai panduan apabila memasuki dunia kampus kelak. Pertandingan ini bertemakan kebudayaan dan warisan etnik Sarawak.

Pertandingan telah berlangsung selama 4 bulan dan disertai oleh 8 buah sekolah menengah. 7 buah sekolah telah menghantar 2 buah kumpulan dan hanya sebuah sekolah sahaja yang menghantar satu kumpulan. Hal ini telah menjadikan penyertaan bagi Kategori Sekolah Menengah sebanyak 15 penyertaan. Setiap sekolah telah disertai oleh 4 orang pelajar dan seorang guru pembimbing. Bagi Kategori Sekolah Rendah pula sebanyak 5 buah kumpulan dari 3 buah sekolah telah menyertai pertandingan ini. Bagi Kategori Sekolah Rendah, penyertaan adalah terdiri daripada 5 orang pelajar dan seorang guru pembimbing bagi setiap kumpulan.

Terdapat 3 komponen yang dinilai sepanjang pertandingan ini berlangsung. Komponen pertama adalah dari segi penglibatan di dalam sesi literasi maklumat, di mana para peserta telah didedahkan kepada teknik dan kaedah pencarian maklumat. Komponen kedua pula, para peserta dikehendaki membuat kajian ringkas mengenai tajuk yang telah dipilih oleh mereka dan dihantar kepada Pustaka dalam bentuk salinan bercetak dan tidak bercetak. Terdapat perbezaan bagi komponen ketiga untuk kedua-dua kategori dimana bagi Kategori Sekolah Rendah, para peserta dikehendaki membuat persembahan tarian etnik bagi tajuk kajian yang telah dipilih. Sebaliknya bagi Kategori Sekolah Menengah, para peserta dikehendaki membuat pembentangan ilmiah ke atas dapatan hasil kajian mereka.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Japri Bujang Masli, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan pada 10 Julai 2013. Bagi Kategori Sekolah Rendah pertandingan telah dimenangi oleh SK Tabuan dengan tajuk kajian Tarian etnik Bidayuh: Rejang Beuh. Tempat Kedua pula dimenangi oleh SK Kpg Senari (Kumpulan 1) dengan tajuk kajian Tarian Melayu Zapin dan tempat ketiga dimenangi oleh SK Rakyat Jln Hj Bolhassan (Kumpulan 2) dengan tajuk kajian Tarian Etnik Iban.

SMK Bandar Kuching No.1 (Kumpulan 2) telah dinobatkan sebagai johan bagi Kategori Sekolah Menengah dengan tajuk kajian Kraft Tangan Tradisional Etnik Sarawak: Manik Orang Ulu (Kayan & Kenyah) di Sarawak. Tempat kedua juga dimenangi oleh SMK Bandar Kuching No.1 (Kumpulan 1) dengan tajuk kajian Sape Orang Ulu. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh SMK ST Teresa (Kumpulan 1) dengan tajuk kajian Pua Kumbu Iban Di Sri Aman: Penggunaannya Pada Masa Dulu Dan Sekarang.

## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT ZON SELATAN 18-20 JUN 2013

oleh Laurena Aloh ([laurenaa@sarawak.gov.my](mailto:laurenaa@sarawak.gov.my))

**Syabas!** dan Tahniah! Kepada kumpulan WHITE HORNBILL kerana telah menjuarai Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Peringkat Zon, 2013 (kategori Agensi Kerajaan Negeri & Badan Berkunun), yang telah berlangsung pada 18-20 Jun tahun ini. Projek KIK mereka yang menang adalah "Kesukaran untuk Mendapatkan Sarawak Gazette di Koleksi Khas, Pustaka Negeri Sarawak".

Projek e-SG - Electronic Sarawak Gazette merupakan projek pertama kumpulan White Hornbill. Ia merupakan satu sistem yang dicipta untuk memudahkan pengguna mengakses Sarawak Gazette yang telah di digitalkan di laman web Pustaka Negeri Sarawak selain boleh dicapai melalui [www.pustaka-sarawak.com/gazette](http://www.pustaka-sarawak.com/gazette).

Sebelum ini kumpulan White Hornbill juga telah menjadi juara di Konvensyen Mini KIK Peringkat Jabatan, anjuran Pustaka Negeri pada 22 Mac awal tahun ini untuk projek yang sama.

Dengan kemenangan mereka di peringkat zon, maka kumpulan White Hornbill juga telah layak ke Konvensyen KIK Peringkat Negeri Sarawak pada bulan Disember 2013.

Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Peringkat Zon, 2013 anjuran Jabatan Ketua Menteri ini merupakan salah satu usaha Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) ke arah transformasi perkhidmatan awam :

"2.2 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) merupakan suatu kumpulan pekerja dalam kumpulan sokongan iaitu yang akan mengenalpasti masalah, menganalisis dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja mereka. Aktiviti KIK menyediakan peluang-peluang bagi setiap ahlinya untuk memberi sumbangan kepada kumpulan dan juga organisasi."

Dengan menyertai aktiviti-aktiviti KIK kita akan menikmati kepuasan bekerja dan juga faedah-faedah lain seperti meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja"

Sumber: Surat Pekeling KIK Bil.1/2010, 8 Februari 2010

**Pustaka Boleh!!!**



# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN WARISAN BUDAYA TEMPATAN & PERTANDINGAN PERPUSTAKAAN KELUARGA 2013

oleh Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)



**JOHAN...** Kumpulan Bothwell dari SMK Pujut menerima hadiah kemenangan daripada Kr. Robert (tiga dari kanan) sambil disaksikan oleh Japri (empat dari kanan), Salina (dua dari kanan) dan Bibi Aminah (kanan).



**TERBAIK...** Pemenang tempat pertama Pertandingan Perpustakaan Keluarga Helena (hadapan) menerima piala dan sijil kemenangan beliau.

**MIRI...** Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2013 yang diadakan bermula bulan Februari lalu adalah terbuka kepada semua sekolah-sekolah menengah di sekitar Bandaraya Miri.

Pertandingan ini adalah kali ke-enam (6) diadakan oleh Pustaka Miri sejak tahun 2008. Tempoh pertandingan bermula sejak Februari sehingga Mei 2013.

Ianya bertujuan untuk membimbing para peserta dalam pencarian maklumat melalui sumber-sumber yang sahih, merancang, mengumpul, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod maklumat-maklumat yang diperolehi untuk membentuk hasil kerja yang lengkap dan komprehensif.

Peserta juga dide dahukan dengan penggunaan sumber-sumber maklumat ber cetak dan bukan ber cetak bagi membolehkan mereka mengetahui dengan lebih lanjut bahan-bahan tempatan, sejarah, kaum, tradisi, budaya, sosio-ekonomi, norma hidup sesuatu kaum dan sebagainya melalui Program Literasi Maklumat yang dianjurkan oleh Pustaka Miri.

Sebanyak 17 kumpulan daripada lapan (8) sekolah telah menyertai pertandingan kali ini. Akan tetapi, cuma sepuluh (10) kumpulan yang telah berjaya melengkapkan kertas projek.

Pemenang utama atau johan menerima hadiah berbentuk wang tunai RM1,000.00, keahlian percuma Pustaka, sijil penyertaan dan sijil kemenangan.

**Pemenang Utama:** Kumpulan Bothwell daripada SMK Pujut, Miri dengan tajuk projek-**Herba & Tumbuh-tumbuhan dalam Kehidupan Etnik Tempatan Sarawak: Daun Tubu Penyedap Rasa.**

Kumpulan Bothwell terdiri daripada Josephine Ling Laing (Ketua), Audrey Awing Ngerong, Vannesa ak. Matthew dan Nayomi Alisen Peter. Guru pembimbing kumpulan Bothwell iaitu Cikgu Noorlia Din.

Kumpulan-kumpulan yang berjaya memenuhi syarat pertandingan menerima sijil penyertaan dan wang tunai RM200.00 manakala yang melengkapkan hasil projek menerima sijil penyertaan.

Manakala, Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Miri yang telah diadakan bermula bulan April terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Rumah Desa atau Kampung dan Kategori Taman Perumahan.

Ianya adalah kali kedua diadakan untuk Peringkat Miri dan objektif pertandingan adalah untuk menanam sikap menghargai bahan bacaan serta menggalakkan aktiviti membaca secara sekeluarga.

Tahun ini melihat penyertaan daripada enam (6) kediaman dan digabungkan di bawah Kategori Taman Perumahan memandangkan kurang penyertaan bagi Kategori Rumah Desa.

Pemenang-pemenang:

**TEMPAT PERTAMA** (Sijil penyertaan, piala dan wang tunai RM300.00)  
Puan Helena Anak Henry Lajang

**TEMPAT KEDUA** (Sijil penyertaan, piala dan wang tunai RM200.00)  
Puan Lau Seing Hua

**TEMPAT KETIGA** (Sijil penyertaan, piala dan wang tunai RM100.00)  
En. Mohd. Ali Bin Murad

**PEMENANG SAGUHATI** (Sijil penyertaan)

- 1) Puan Eryanti binti Norudin
- 2) Puan Belinda Tan
- 3) Puan Chan Meow Sang

Para pemenang telah menerima hadiah kemenangan mereka pada 27 Jun 2013 dan hadiah telah disampaikan oleh Kaunselor Robert Ayu yang mewakili Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri. Ianya telah disaksikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Japri Haji Bujang Masli, Pengurus Wilayah Pustaka Miri Salina Haji Zawawi dan Pensyarah Curtin University Sarawak Bibi Aminah Abd. Ghani.

**PUSTAKA MIRI**



# 31 SUCCESSFULLY DONATED BLOOD DURING PUSTAKA MIRI'S BLOOD DONATION DRIVE

by Sofina Tan ([sofina@sarawak.gov.my](mailto:sofina@sarawak.gov.my))

**MIRI**...Out of a total of 45 donors who showed up at Pustaka Miri's Annual Blood Donation Drive on Saturday, 6th July 2013, 31 donors succeeded in bleeding for the cause.

Pustaka Miri organized the campaign particularly to help Miri Blood Bank to stock up for the fasting month of Ramadhan. It is part of the library's corporate social responsibility (CSR) efforts.

New and regular donors came as early as 8:30am and the campaign ended at around 12:45pm.

Successful donors were given tokens of appreciation as well as light refreshment.

Another campaign will be held in December as the library will collaborate once again with one of its smart partners-Mega Hotel Miri.



## 76 CHILDREN OF HAMIDAH YAKUP WELFARE COMPLEX TREATED TO BREAK OF FAST

oleh Sofina Tan ([sofina@sarawak.gov.my](mailto:sofina@sarawak.gov.my))

MIRI – Pustaka Miri collaborated with Surau Darul At-Taqwa Kampung Lopeng Tengah in hosting a break of fast session for the children from Hamidah Yakup Welfare Complex on 17th July 2013.

A total of 76 children were treated to the dinner which was held in the vicinity of the surau and they also joined the tarawikh prayer together with the organizing committee and villagers.

After the prayer, the library proceeded to distribute Hari Raya gifts while Pustaka Miri's Sports and Recreation Club (KSR) distributed duit raya to the children. They also handed over donated clothing to the complex and religious books to the surau.

The activity was part of Pustaka Miri's corporate social responsibility (CSR) efforts which was hoped to assist those in needs and bring the library closer to the community.

Present during the event were Penghulu Haji Samad Alip, Pustaka Miri's Regional Manager Salina Haji Zawawi, Surau Darul At-Taqwa's chairman Haji Rangkut Haji Hadi, Hamidah Yakup Welfare Complex's manager Dayang Noorjanah Awang Jaya, Pustaka Miri's KSR President Sofina Tan, library officers and residents of Kampung Lopeng Tengah.



*BREAKING FAST TOGETHER...The children and guests helping themselves to the break of fast buffet.*



oleh Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

## KEMPEN 'SAYA SAYANG PUSTAKA' - PUSTAKA MIRI 2013'

**MIRI...**Pustaka Miri telah mengadakan gotong-royong bersempena Kempen 'Saya Sayang Pustaka' pada Isnin, 2 September 2013 bertempat di Dataran Kipas Miri.

Kempen tahunan ini bertujuan untuk memupuk kerjasama serta memberi kesedaran kepada orang awam agar menjaga kebersihan di persekitaran kawasan Pustaka Miri.

Acara kali ini melibatkan pihak Miri Local Agenda 21 (Miri LA21) dari Majlis Bandaraya Miri dan pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri. Seramai lebih 50 orang, termasuk staf Pustaka Miri, menyertai kempen tersebut.

Selain daripada aktiviti gotong royong, beberapa aktiviti sampingan turut diadakan termasuk senamrobik, cabutan bertuah dan ceramah kebersihan alam sekitar oleh Miri LA21.

Kempen 'Saya Sayang Pustaka' telah diperkenalkan pada 16 Mei 2012 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching sebagai salah satu inisiatif Persekitaran Berkualiti 5S dan dilaksanakan pula di Pustaka Miri pada 9 Ogos 2012

Pustaka Miri akan mengadakan kempen tersebut sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan harapan supaya tahap kesedaran orang ramai dapat dipupuk untuk menjaga kebersihan, mengamalkan kitar semula serta tidak membuang sampah merata-rata. Ianya dapat memastikan Pustaka Miri dan kawasan sekitarnya sentiasa bersih, indah dan selamat untuk para pengguna, pengunjung dan orang awam.

Hadir semasa kempen tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Rashidah Haji Bolhassan, Pengurus Wilayah Pustaka Miri Salina Haji Zawawi dan pegawai Miri LA21 Dayang Siti Nurbaya Awang Kipli.





## PUSTAKA MIRI'S LAN BERAMBEH AT KAMPUNG BAKAM

oleh Nur Syabira Hairon Nizar

**MIRI** ... Pustaka Miri with the cooperation from several smart partners successfully organized Lan Berambeh program at Kampung Bakam Miri on 22nd June 2013.

Those involved included Miri Local Agenda 21 of Miri City Council, Sarawak River Board, Natural Resources and Environment Board, Miri Health Department, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Miri, Polis Di Raja Miri.

Throughout the whole-day event, approximately 200 participants from Kampung Bakam and villages nearby came to take part in the various activities. Activities carried out included membership drive, awareness exhibition, Information Literacy Skills session, demonstrations on 'Bokashi' composting and soap making from used cooking oil, coloring and telematch.

The objective of this program was to give better understanding on Pustaka's role as a hub of information and knowledge. Beside that, it was to inculcate the importance of preserving the environment and maintaining the cleanliness of rivers and environment. It was also a beneficial program that helped to strengthen the ties between Pustaka Miri, local agencies and the community of Kampung Bakam.



## LAN BERAMBEH DI SK KAMPUNG TARIKAN, NIAH

oleh Norfaezan Abd. Jalil ([norfaezj@sarawak.gov.my](mailto:norfaezj@sarawak.gov.my))

MIRI – Pustaka Miri dengan kerjasama Miri Local Agenda 21 telah menganjurkan program Lan Berambeh di SK Kpg. Tarikan, Kuala Niah pada 22 Ogos 2013.

Beberapa aktiviti telah diadakan sepanjang berlangsungnya program tersebut termasuk sesi Kemahiran Literasi Maklumat yang disampaikan oleh Pustakawan Lilian Baun Pulo, sesi Bengkel Membuat Sabun daripada Minyak Masak Terpakai oleh pegawai Miri Local Agenda 21 dan aktiviti berkumpulan iaitu 3R Runway Project.

Objektif program Lan Berambeh adalah untuk mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh Pustaka Miri, memperkenalkan kaedah pencarian maklumat kepada pelajar serta menggalakkan amalan mencintai dan menghargai alam sekitar di kalangan umum.

Seluruh warga sekolah turut mengambil kesempatan mendaftar sebagai ahli Pustaka semasa program ini dijalankan.

# BENGKEL CELIK ICT BERSAMA KOMUNITI DI LONG LAPUT

oleh Shella Dana, Pelajar Praktikal UiTM - Pustaka Miri

**MIRI...** Pada 14 Jun 2013, rombongan Jangkauan Ilmu (Outreach Team) yang terdiri daripada pegawai-pegawai Pustaka Miri, Danawa Resources Sdn. Bhd, serta ahli-ahli Majlis Pembangunan Wanita Telang Usan telah bertolak dari Bandaraya Miri ke Long Laput.

Perjalanan yang mengambil masa selama lima (5) jam tersebut sememangnya cukup mencabar dan memerlukan apatah lagi apabila melalui laluan pembalakan dan ladang sawit yang tidak bertar serta licin pada masa hujan dan berdebu pada musim kemarau. Namun, rombongan ini tiada pilihan lain kerana laluan inilah yang dilalui oleh penduduk di kawasan Baram setiap hari untuk ke bandar bagi mendapatkan barang keperluan mahupun urusan lain. Setibanya mereka sekitar pukul 7:00 malam, rombongan telah disambut mesra oleh komuniti Long Laput yang diketuai oleh Pemanca Elizabeth Deng.

Keesokannya mereka telah mengadakan Program Celik ICT Bersama Komuniti di Long Laput. Objektif utama program ini diadakan adalah bagi mewujudkan masyarakat yang sentiasa peka dan celik teknologi komunikasi informasi (ICT) serta dapat mengatasi jurang maklumat di dalam kalangan masyarakat luar bandar.

Ianya juga dapat memupuk semangat kerjasama di kalangan masyarakat melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti yang telah diadakan.

Program Celik ICT Bersama Komuniti Long Laput tersebut telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri N67 Telang Usan YB Dennis Ngau, yang turut menyarankan masyarakat celik ICT serta memanfaatkan kemahiran ICT tersebut untuk kemajuan diri.

Beliau turut menyerahkan komputer riba 1Malaysia kepada 40 orang penduduk kampung berkenaan.

Antara aktiviti yang telah diadakan adalah Bengkel Celik ICT oleh pegawai Danawa Resources Sdn. Bhd - Samsudin Kasdi, Baharudin Aldi, Nazrul Hakim dan Suzie Manyie; aktiviti membuat kraftangan dan sesi Kemahiran Literasi Maklumat oleh Pustakawan Pustaka Miri Lilian Baun Pulo. Pada sebelah malamnya, telah diadakan 'Movie Under The Stars' daripada Lincoln's Corner iaitu filem The Lorax yang dihadiri lebih 100 orang.

Keberangkatan pulang keesokan harinya dengan membawa memori yang cukup indah dan tidak ternilai dan diharapkan ilmu yang dikongsikan dapat digunakan sebaiknya serta dikongsikan bersama.





## Contribute to CeRMIN and get rewarded.



by Nor Juliet Edward Munyug Bt Abdullah ([norjuliet@sarawak.gov.my](mailto:norjuliet@sarawak.gov.my))

Common e-Government Repository and Managed Information Netcommunity (CeRMIN) is a repository which holds the collective corporate memory and experience of all State government agencies. CeRMIN was officially launched by YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Chief Minister of Sarawak during the Hari Perhimpunan Awam Negeri Sarawak in November 2008. Leveraging on the SarawakNet, CeRMIN enable the civil servants to share knowledge which will encourage them to contribute creative and innovative ideas to improve the government service delivery.

Since the implementation of CeRMIN, there are absolute unique visitors to the website shows the different from lowest 36 visitors to highest 613 visitors monthly from January 2009- August 2013. It makes the average of 15 unique visitors daily to the website. However, visitors and submissions to CeRMIN are gradually increased since 2009.

The significant increase for submission and visitors to CeRMIN in 2012 as compared to 2009 is according to CeRMIN statistical report. It is shown in the below graph :

**Cumulative Statistic for visitors and submission to CeRMIN since 2009 until 2013**



Source from CeRMIN portal dated 30th August 2013

The promotional and awareness programmes which were extensively carried out since 2010 until present, are probably contributes to significant increase in the submissions and visits to CeRMIN. e.g. Sejiwa Senada Kapit 2010, Sejiwa Senada Lawas 2011, Sejiwa Senada MBKS 2011, Sejiwa Senada DBKU 2011, Hari Perhimpunan Awam 2010-2012, Sambutan Hari Wanita 2012 and other events at Pustaka Negeri Sarawak.

Recognition to CeRMIN Contributors is as an initiative believed will be able to encourage more contributions and visits to CeRMIN portal by the civil servants. This is as an appreciation to the contributors due to their support for embracing knowledge sharing and government initiatives. This recognition will be awarded on a yearly basis. As a start, the first recognition will be awarded to the top 10 Best Contributors for 2013 and the announcement will be made during Minggu Innovasi Pustaka Negeri Sarawak 2013.

## Get Rewarded!

Take part as knowledge contributor to the 1<sup>st</sup> State Knowledge Repository



Submit your content in any digital form such as text, documents, graphics, audio and video formats.  
<http://cermin.sarawaknet.gov.my>

The top contributors of the month will receive certificate of recognition, and will be announced in SarawakNet News.

Best contributors will be rewarded during Minggu Innovasi Pustaka Negeri Sarawak.

# Buletin 5S

## LAPORAN LAWATAN PENANDA ARAS AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S)

oleh Ammie Syarina Mohammad Jelani (ammies@sarawak.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan lawatan penanda aras amalan persekitaran berkualiti (5S) ke dua (2) buah agensi yang telah mendapat persijilan 5S daripada MPC iaitu Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), 26 Ogos 2013 dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC), 10 September 2013.

Tujuan lawatan ini diadakan untuk memberi pendedahan, pengalaman dan meningkatkan ilmu kepada staf mengenai 5S yang diamalkan oleh kedua-dua agensi tersebut sejak tahun 2005 dan 2006 dan pemilihan adalah berdasarkan di dalam senarai agensi yang telah mendapat persijilan semula amalan 5S sehingga 30 Jun 2013 selain agensi-agensi ini yang telah berusia 40 tahun dan berpengalaman luas serta melibatkan diri dalam 5S sekurang-kurangnya 8 tahun. Lawatan ini disertai oleh Ketua-ketua Sektor (Wakil Pengurusan), Komiti 5S serta ketua dan ahli-ahli kumpulan. Jumlah keseluruhan peserta adalah seramai 25 orang (SEDC) dan 34 orang (STIDC).

Semasa lawatan tapak, beberapa perkara baru dan pengetahuan yang kami perolehi seperti aktiviti kitar semula, penyimpanan stok alat tulis, pengurusan pantri staf, penyimpanan fail dan pengurusan Sudut 5S. Ada juga aktiviti yang mungkin boleh diaplikasi di Pustaka seperti "No Sugar on Friday", Sesi perkongsian ilmu/info oleh setiap kumpulan 5S, Pertandingan "Group Image" dan Buletin 5S yang disiarkan secara langsung pada setiap minggu dan di setiap aras.

Walaupun, kedua-dua agensi merupakan jabatan yang telah berusia 40 tahun, namun persekitaran pejabat tidak menggambarkan usia sebenar kerana telah dijaga sebaik mungkin oleh para staf.

Melalui pengamalan 5S juga dapat membantu pengurusan dan pentadbiran pejabat, agar lebih mudah dan dapat menjimatkan masa bekerja. Penjimatan masa bekerja dapat memberi ruang kepada staf untuk memaksimumkan masa dengan perkara yang lebih berfaedah dan menyumbang kepada kemajuan prestasi jabatan. Selain daripada itu, pendedahan 5S, dapat mencungkil bakat serta idea berasa daripada staf, "*think outside the box*". Terdapat juga beberapa aktiviti/program yang dijalankan oleh komiti 5S SEDC dan STIDC yang hampir sama dengan aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Komiti 5S Pustaka.



# PUSTAKA NEGERI SARAWAK JUARAI PERTANDINGAN BOLA TAMPAR DI PESTA SUKAN PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA (SPASM) KE-20

oleh Alya Faeeqah Hamali ([alya@sarawak.gov.my](mailto:alya@sarawak.gov.my))



Pesta Sukan Perpustakaan Awam Se-Malaysia (SPASM) merupakan satu kejohanan sukan yang diadakan setiap 2 tahun sekali diadakan bermula sejak 1984 di antara semua Perpustakaan Awam Negeri di Malaysia. Setiap perpustakaan awam negeri-negeri berpeluang menjadi tuan rumah. Pada tahun ini, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah menjadi tuan rumah bermula 20 – 23 September 2013.

Pada tahun ini, Pustaka telah menghantar 44 atlet yang terdiri daripada kakitangan peringkat profesional dan sokongan untuk menyertai acara sukan teras seperti Bola Tampar, Badminton, Ping Pong, Bola Jaring, Futsal dan Boling manakala bagi sukan dalaman (terbuka) pula ialah seperti Dart, Karom dan Congkak.

Sepanjang pertandingan SPASM ke-20 diadakan, Pustaka Negeri Sarawak telah memperolehi satu (1) pingat emas untuk pertandingan Bola Tampar (Lelaki), tiga (3) pingat gangsa untuk pertandingan Bola Tampar dan Futsal (Wanita) dan Ping Pong.

Manakala untuk kategori pertandingan permainan sukan dalaman, Pustaka Negeri Sarawak telah memenangi pertandingan Congkak dengan meraih tempat kedua (2). Secara keseluruhannya, Pustaka Negeri Sarawak berada di kedudukan kelima (5) selepas Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang di tempat keempat (4), Perbadanan Perpustakaan Awam Perak tempat ketiga (3), Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu di tempat kedua (2) dan johan keseluruhan pertandingan SPASM ke-20 adalah Perpustakaan Negeri Sabah.

Majlis penutupan yang telah berlangsung pada 23 September 2013 di Kompleks Belia & Kebudayaan Seksyen 7 telah disempurnakan oleh YB Dr Hajah Halimah Bt Ali, Pengurus Ahli Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan pada majlis tersebut turut diadakan sesi penyerahan bendera SPASM kepada Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan menandakan negeri Cik Siti Wan Kembang, Kelantan akan menjadi tuan rumah untuk SPASM ke-21 pada tahun 2015.



# STAFF NEWS



**NAMA** Natalia Binti Muhammad

**JAWATAN** Penolong Pegawai Perpustakaan (Kontrak)

**BAHAGIAN/SEKTOR** Bahagian Perkhidmatan Maklumat/Sektor Perkhidmatan Perpustakaan

**TARIKH MULA MELAPOR** 1 September 2013

**CONGRATULATIONS ON YOUR NEW BORN**



**Nama Staf (Ibu)**  
**Nur Alia Qaytrina Sim Abdullah**

**Jawatan/Sektor**  
**Pembantu Perpustakaan S17/**  
**Sektor Perkhidmatan Pepustakaan**  
**Pustaka Miri**

**Nama Anak**  
**Dhazuky Izzudyn Bin Ikhwan**

**Tarikh lahir**  
**24 Ogos 2013**



**Nama Staf (Ibu)**  
**Rozana Octovia**

**Jawatan/Sektor**  
**Pustakawan S41/**  
**Sektor Perkhidmatan Depositori**

**Nama Anak**  
**Adrian Moses Anthony Ak. Robin**

**Tarikh lahir**  
**13 September 2013**



**Nama Staf (Ibu)**  
**Aidashermilla Hashim**

**Jawatan/Sektor**  
**Penolong Pegawai Perpustakaan S27/**  
**Sektor Perkhidmatan Perpustakaan**

**Nama Anak**  
**Afza Nur Imani Binti Azizul Zaini**

**Tarikh lahir**  
**27 September 2013**



**Nama Staf (Ibu) : Haslizawati Johan**

**Jawatan/Sektor : Pembantu Perpustakaan S17/Sektor Perkhidmatan Perpustakaan**

**Nama Anak : Aqilah Binti Amir Ikhsan**

**Tarikh lahir: 24 September 2013**

*Listing of Visits to*

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

## JULAI 2013

- 1 Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia
- 23 Tadika Gemilang

## OGOS 2013

- 4 Politeknik Kuching
- 16 Perpustakaan Desa Kampung Taee
- 23 SJK Chung Hua Rantau Panjang  
SMK Belawai Kampung Jerijeh Baru

## SEPTEMBER 2013

- 3 Kelas Tabika Perpaduan Taman Malihah Kenanga & Ros
- 9 Pelajar UiTM, Kota Samarahan
- 10 KTP Taman Alamanda Indah
- 13 Pelajar UiTM Kota Samarahan
- 17 SJK Chung Hua Serayan / Selarat, Lundu
- 26 SK Batu Luking, Kanowit, Sarawak
- 27 Tabika Kemas Kemas Kampung Lenan, Serian
- 28 Sekolah Menengah Vokasional Betong : Program Eksplorasi Minda

*Listing of Visits to*

# PUSTAKA MIRI

## OGOS 2013

- 4 SK Sg. Entulang

## SEPTEMBER 2013

- 10 SK Anchi, Miri
- 18 Tabika Kemas (Kpg. Angus, Kpg. Kejapil & Kpg Beraya)
- 26 SJK (C) Wah Man, Sarikei